

15.6.2021_Berita Harian_YB Khairy Jamaluddin - Program vaksinasi untuk pekerja industri bermula

Program vaksinasi untuk pekerja industri bermula

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan
Luqman Ariff Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan sudah mengaktifkan Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kawalan wabak di kawasan industri dengan pemberian vaksin kepada pekerja industri yang beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin, berkata ia adalah keputusan bersama Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV) dengan satu Pusat Pemberian Vaksin (PPV) akan dibuka dengan kerjasama Kementerian Perdag-

angan Antarabangsa dan Industri (MITI).

"Program vaksinasi akan bermula 16 Jun dan selepas ini, ia akan dibuka kepada sektor lain, iaitu pembinaan, peladangan, peruncitan dan hospitaliti. Ia akan digerakkan secara berperingkat bagi memastikan setiap sektor dapat dilindungi," katanya.

Beliau yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata demikian pada sidang media Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) bersama Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba secara maya, semalam.

Nasional 3